

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HKN506 – Kajian Sastera, Media dan Budaya

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **EMPAT** (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

- 2 -

Bahagian A

1. Bincangkan pandangan Charles Rosenthal (1954) tentang budaya popular. Berdasarkan pandangannya itu,uraikan pertalian budaya popular dengan penghasilan novel-novel budaya popular masa kini.

[100 markah]

2. Merujuk kepada novel *Harimau! Harimau!* karya Mochtar Lubis (1975), bincangkan ciri-ciri satira yang sesuai yang terkandung di dalam novel ini dan bagaimanakah caranya satira itu disampaikan pengarang kepada khalayak?

[100 markah]

3. Berdasarkan puisi "Tok Janggut" karya Rahimidin Zahari (1992) di bawah, bincangkan wacana pascakolonial sebagai sebuah wacana balas atau penentangan terhadap kolonialisme.

[100 markah]

"Tok Janggut"

Kuharung sungai kususur bukit tujuh gua yang silam
aku murba perkasa kautuduh penderhaka

aku tidak pandai berselindung dengan tembang dan senandung
suaraku tak mungkin semerdu seruling
aku tak rela tanah darahku diinjak dijajah
aku tak rela hasil bumiku dicantas dipulas
aku tak rela Melayu bangsaku dipandirkadukkan
aku tak rela Islam agamaku disendatemehkan
Tok Janggut Haji Mat Hassan namaku
tujuh lapis langit terpikul di bahu
tujuh lapis bumi tercengkam di kaki
aku pulang dari tanah Makkah yang putih dan suci
ingin kulihat tanah darahku tanpa penjajah
kubaca Jamaluddin Al-Afghani, kuhafal reformis Muhammad
Abduh
dan kugenggam ideologi Rashid Redha
Tok Janggut Haji Mat Hassan namaku

...3/-

- 3 -

anak Kelantan kelahiran Pasir Putih
Kampung Saring mahupun Jeram
adalah padang permainanku
adalah gelanggang silat
tempat aku memperlakukan diri
aku pulang dengan siap sedia asal mula
sebagai lelaki anak jantan perkasa
aku siap sedia menitiskan darah ke ranting cempaka
ini tanah darahku, tak akan kurela kaukikis habis
kuoleng mangkuk mimpi para tiran
inilah nafasku angin bergugus menyebarkan tandus
dan, nah! darah matahariku akan terpercik ke tanah Pasir Putih
ringkik angin topan, sedialah kau
akan kuamuk kegetus kantung nyawaku
kalaupun aku mati di tangan bangsaku
aku mati sebagai pembela sejati
mutiara tetap mutiara
meskipun terpendam
di perut tiram
jauh pada dasar lautan!

Bahagian B

4. Jelaskan konsep skrin kedua sebagai medium untuk menonton. Dengan merujuk drama rantaian adaptasi di Malaysia, bincangkan bagaimana konsep skrin kedua memberi impak terhadap budaya penontonan di Malaysia.

[100 markah]

5. Pengurusan impresi (*impression management*) merupakan sebuah tindakan menampilkan diri yang dilakukan oleh setiap individu untuk mencapai sebuah citra diri yang diharapkan (Boyer, 2006). Berdasarkan kenyataan ini, bincangkan bagaimana pengarang karya sastera berusaha mengurus representasi diri melalui jaringan media sosial.

[100 markah]

...4/-

SULIT

- 4 -

6. Media Baru muncul secara bertahap dan berkembang dari bentuk terdahulu. Dengan menggunakan teori mediamorfosis, jelaskan konsep-konsep dasar yang digariskan oleh Roger Fidler (1997). Kemudian, bincangkan apresiasi makna dan kesannya dengan menganalisis karya *Hujan Bulan Juni* karya Sapardi Djoko Damono.

[100 markah]

- oooOooo -